



UTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

COURSE: UHMS1182

SECTION: 30

LECTURER: Mr. Husain Mahmood

AKTIVITI: Tugas Berkumpulan

TAJUK: Kesepaduan Hidup Antara Masyarakat Pelbagai Bangsa di Malaysia

GROUP MEMBER:	Wong Hui Shi	A20EC0169
	Teoh Wei Jian	A20EC0229
	Soh Jun Wei	A20EC0151
	Theresa Lau Xin Yi	A20EC0167
	Siew Yu Xuan	A20EC0146

Table of Contents

1. Pendahuluan	2
2. Definisi.....	3
3. Negara Malaysia	4
4. Aspek-aspek Kesepaduan	6
5. Faktor-faktor yang menggalakkan kesepaduan	7
6. Peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak.....	9
7. Masalah yang dihadapi dalam mengekalkan kesepaduan hidup.....	11
8. Langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan kesepaduan hidup	12
9. Cadangan untuk memupuk kesepaduan hidup.....	14
Kesimpulan	16
Rujukan	17

1. Pendahuluan

Malaysia merupakan sesebuah negara yang berbilang kaum. Dengan kemajmukan kaum, kesepaduan hidup antara masyarakat amat penting. Kesepaduan hidup di Malaysia bermaksud semua warganegara Malaysia yang berbilang kaum haruslah bekerjasama dan bersatu hati dalam melaksanakan semua perkara terutamanya dalam menyelesaikan masalah. Semua pihak haruslah memainkan peranan masing-masing supaya dapat memajukan negara di samping menghadapi cabaran yang berterusan. Dengan adanya kesepaduan hidup juga, keamanan negara juga dijamin. Ancaman dapat dielakkan. Dengan ini rakyat hidup dalam keadaan harmoni.

Kesepaduan hidup merupakan asas kepada pembinaan negara dan amalan ini haruslah dipupuk dalam kalangan masyarakat. Contohnya, Konsep 1Malaysia merupakan satu gagasan yang dilaksanakan bagi memupuk kesepaduan hidup antara masyarakat. Konsep satu Malaysia merupakan satu konsep untuk memperbaiki hubungan antara kaum bagi memastikan masyarakat dapat menjalin hubungan yang lebih erat (Sualman 2013). Dalam Konsep Satu Malaysia ini, formula proses negara diwujudkan bagi menuju Wawasan 2020 serta membawa negara kita ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Kesepaduan hidup antara Masyarakat juga diibaratkan sebagai tiang kemakmuran dan keharmonian negara sambil menyumbang keamanan dan kestabilan bagi sesebuah negara. Sekiranya berlakunya pertelingkahan antara masyarakat berbilang kaum, suasana aman damai sukar dicapai. Situasi ini pernah berlaku dalam sejarah negara Malaysia iaitu peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang menyebabkan hubungan erat antara kaum di Malaysia. Peristiwa ini telah menyebabkan kematian, suasana huru-hara, pertumpahan darah. Keadaan ini amat membimbangkan pada masa itu (Abd Aziz A'zmi 2017).

2. Definisi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan kesepaduan bermaksud keadaan bersepadu, perihal bersepadu menjadi kesatuan yang utuh. Manakala perkataan hidup pula bermaksud bernyawa dan bernafas, segala benda yang hidup. Oleh itu, kesepaduan hidup bermaksud sesuatu keadaan yang berkaitan erat antara benda-benda yang hidup. Contohnya, perpaduan antara masyarakat. Perpaduan ialah hubungan erat yang wujud dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum (Pustaka 2005). Di Malaysia, terdapat pelbagai kaum iaitu kaum Cina, kaum Melayu, kaum India dan sebagainya. Dengan ini, kesepaduan hidup amat penting bagi semua masyarakat supaya hidup bersama dengan harmoni. Perpaduan tidak akan tercapai jika ada sesetengah pihak menjadi batu api bagi isu perpaduan di kalangan masyarakat di Malaysia. Hakikatnya, Semua pihak haruslah berganding bahu untuk mencapai perpaduan di Malaysia.

Selain itu, masyarakat pelbagai kaum pula bermaksud sekumpulan orang yang berlainan kaum dan adat resam hidup bersama di sesuatu tempat dengan cara dan peraturan yang tertentu. Malaysia merupakan negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Setiap kaum hidup bersama dengan harmoni dan aman damai. Antara tiga kaum utama di Malaysia ialah Melayu, Cina dan India. Setiap kaum mempunyai adat resam dan pantang larang masing-masing. Di samping itu, setiap kaum juga mempunyai tradisi yang unik masing-masing. Contohnya dari segi pakaian, makanan, perayaan, bahasa, kepercayaan dan lain-lain. Tuntasnya, Malaysia yang terdiri daripada masyarakat yang pelbagai kaum merupakan sebuah negara yang unik dengan adanya kesepaduan hidup yang istimewa.

3. Negara Malaysia

3.1. Kedudukan Malaysia

Malaysia adalah sesuatu negara di dalam Asia Tenggara. Malaysia dibentukkan dari tiga belas negeri dan tiga Wilayah Persekutuan. Malaysia dibahagi kepada dua kawasan dengan Laut China Selatan iaitu Semenanjung Malaysia (Malaysia Barat) dan Borneo Malaysia (Malaysia Timur). Tanah Semenanjung Malaysia bersempadan dengan Thailand dan Singapore dan tanah Borneo Malaysia bersempadan dengan Brunei dan Indonesia (MyGovernment, 2017). Malaysia meliputi kawasan seluas 330,534 kilometer persegi.

3.2. Peta



Rajah 1: Kedudukan Malaysia di Peta Dunia (OnTheWorldMap)



Rajah 2: Peta Negeri Malaysia (Destination Wedding Directory.co)

3.3. Sejarah Malaysia

Sejarah Malaysia bermula pada lebih kurang tahun 1400 Masihi iaitu zaman Kesultanan Melayu Melaka. Melaka berada di kedudukan yang strategik iaitu titik pertemuan antara Asia Barat dengan Asia Timur. Tambahan pula, Melaka mempunyai pemimpin yang berwibawa, sistem pentadbiran dan pemerintahan yang cekap. Dengan itu, Melakar dimunculkan sebagai kerajaan yang gemilang. Pada tahun 1511, Tanah Melayu berada dalam era penjajahan kerana Melaka terjatuh ke tangan Portugis. Selepas itu, pada tahun 1641 Tanah Melayu jatuh ke tangan Belanda dan kemudian pada tahun 1824 jatuh ke tangan British dengan melalui Perjanjian Inggeris-Belanda. Satu lagi era penjajahan di Tanah bermula dari 8 Disember 1941 hingga 15 Februari 1942 daripada tentera Jepun. Walaubagaimanapun, penjajahan Jepun di Tanah Melayu sehingga tahun 1945 sahaja. Hal ini kerana, Jepun menyerah kalah selepas pengeboman bom atom ke atas bandar Hiroshima dan bandar Nagasaki. Pengunduran Jepun dari Tanah Melayu telah memberi ruang kepada Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menguasai Tanah Melayu dengan kekerasan. PKM gagal menguasai Tanah Melayu kerana darurat yang diisytiharkan oleh Sir Edward Gent pada bulan Jun 1948 dan British kembali berkuasa. Pada 1 April 1946, British menubuhkan Malayan Union. Pada 1952, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membentuk Parti Perikatan untuk menaikkan semangat pertempuran penduduk Tanah Melayu untuk dapat kebenaran penduduk Tanah Melayu mentadbir sendiri negaranya. Pada 8 Februari 1956, Perjanjian London dapat ditandatangani dan memberikan petanda bahawa Persekutuan Tanah Melayu akan merdeka pada 31 Ogos 1957. Perjanjian ini dapat ditandatangani disebabkan oleh perpaduan antara tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Pada 20 Februari 1956, di Padang Bandar Hilir, Melaka, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah membuat pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Wakil-wakil kerajaan persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah dan Singapura dapat mencapai satu persetujuan pada 9 Julai 1963 dan sebuah negara yang dinamakan MALAYSIA dapat dibentuk pada 16 September 1963 (MyGovernment, 2017).

4. Aspek-aspek Kesepaduan

4.1. Ekonomi

Faktor ekonomi tidak boleh dibiarkan di tepi semasa menyangkutkan maslah perpaduan antara kaum. Pengagihan kek ekonomi perlulah berdasarkan nisbah peratusan antara kaum dan mengambil kira kedudukan kaum (Ibrahim Ahmad, 2019). Sebagai contoh yang terbaik untuk menjelaskan kesepaduan bangsa adalah berkaitan dengan ekonomi ialah Dasar ‘pecah dan perintah’ yang dilaksanakan oleh penjajahan British. Dasar Pecah dan Perintah mengasingkan kedudukan kaum di Tanah Melayu mengikut ekonomi kaum sendiri. Hal ini menimbulkan agama dan budaya yang tidak sama di antara kaum. Dasar ini menyebabkan jurang ekonomi ketara antara kaum dan akhirnya mewujudkan tidak puas hati antara kaum. Jadi, dalam isu kesepaduan kaum, pastikan faktor ekonomi tidak dipandang enteng.

4.2. Sosial

Di Malaysia, konsep kesepaduan yang dikemukakan oleh Shamsul Amri Baharuddin telah menjadi formula asas untuk menguruskan masyarakat yang pelbagai bangsa (Abdullah, M. S, 2013). Kesepaduan sosial adalah sesuatu faktor yang penting untuk memastikan komuniti boleh berada dalam keadaan yang aman dan harmoni. Dengan keadaan itu, masyarakat yang tanpa konflik dan stabil akan diwujudkan. Negara dunia pertama seperti United Kingdom, Australia, Kanada, Amerika Syarikat dan Perancis telah melihat kesepaduan sosial sebagai polisi yang penting bagi negara mereka. Bapa Sosiologi, Emile Durkheim juga berkata kesepaduan sosial adalah elemen penting dalam pelbagai peringkat pembangunan masyarakat (Abdullah, M. S, 2013).

4.3. Politik

Ugutan perpaduan antara kaum di negara kita adalah bermula daripada tindakan ahli politik, kata bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan (Hidayah Hairqm, 2019). Isu yang berkaitan dengan agama, bahasa, kerakyatan, budaya dan ekonomi telah menjadi isu yang sentiasa dibicarakan oleh pihak politik untuk tujuan tertentu. Teknik-teknik yang digunakan oleh pihak politik untuk menyangkut isu sensitif akan menyebabkan kesan negatif kepada hubungan

antara pelbagai kaum. Pihak politik perlulah memperjuangkan kesepaduan antara kaum tetapi bukanlah menggunakan isu ini jadi senjata untuk tujuan sendiri.

5. Faktor-faktor yang menggalakkan kesepaduan

5.1. Penguatkuasaan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan prinsip-prinsip Rukun Negara yang dirangka hasil daripada nasihat Suruhanjaya Reid pada tahun 1956 serta tindakan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) terhadap Peristiwa 13 Mei masih lagi diamalkan dan dipraktikkan masa kini. Setiap warganegara Malaysia diwajibkan untuk mematuhi serta mengikuti segala perkara yang dinyatakan dalam prinsip Rukun Negara dan perlembagaan Malaysia. Sejak 8 December 2005, sesi pembacaan Rukun Negara diwajibkan menjadi sebahagian daripada acara rasmi dan perhimpunan sekolah. Perkara 8 Perlembagaan Malaysia yang menyatakan hak kesamarataan memainkan peranan penting untuk mengelakkan berlakunya diskriminasi dan ketidakadilan terhadap rakyat Malaysia mengikut etnik. Tambahan pula, prinsip Kesopanan dan Kesusilaan yang digariskan dalam Rukun Negara mengingatkan rakyat Malaysia supaya saling menghormati dan mempamerkan sikap sopan-santun terhadap orang lain, serta tidak menunjukkan sikap yang berbeza mengikut keturunan dan kaum (Chan 2018). Dengan adanya penguatkuasaan Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia, maka rakyat dapat menghayati dan menyedari kepentingan kesepaduan masyarakat dalam pembangunan negara.

5.2. Kesaksamaan Masyarakat Malaysia dalam Peluang Ekonomi


Dasar ekonomi yang dilaksanakan semasa zaman penjajahan British bersifat berat sebelah dan hanya memanfaatkan golongan Cina sahaja. Hal ini telah memburukkan hubungan etnik terutamanya antara golongan Cina dengan Melayu yang lalu berkembang jadi pencetus Peristiwa 13 Mei.

Tun Abdul Razak yang menyedari bahawa antara sebabnya berlaku Peristiwa 13 Mei adalah perbezaan status sosial dan kelas yang dibahagikan mengikut kaum. Sebagai tindakan, beliau memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bertujuan untuk mencapai perpaduan negara dengan memperbetulkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara kaum dan wilayah (Faaland 2005). Usaha ini diteruskan lagi dengan pelancaran Dasar Pembangunan Nasional pada 17 Jun 1991 yang bermatlamat membasmi kemiskinan dan membina sebuah negara yang bersatu

padu dan wujudnya sebuah masyarakat yang mencapai keamanan, keadilan, kemajuan dan kemakmuran berasaskan prinsip-prinsip perlembagaan dan rukun negara.

Kini, masyarakat Malaysia dapat menikmati peluang ekonomi dan pembangunan negara secara saksama tanpa mana-mana kaum yang terpinggir. Ciri diversiti telah pun diperkenalkan dan digalakkan di dalam sektor pekerjaan sama ada awam atau swasta. Ini merupakan hasil usaha-usaha kerajaan dalam memulih keseimbangan ekonomi dan menyusun semula masyarakat yang secara langsungnya mewujudkan kesepaduan etnik.

5.3. Wujudnya Sistem Pendidikan yang Terancang dan Seragam



Rajah 1- Kerangka Konseptual Kajian. Dipetik daripada (Nur Ayuni Nu-saibah Husin 2019)

Semasa zaman penjajahan British, pendidikan yang diterima oleh setiap kaum adalah berbeza disebabkan sistem sekolah vernakular yang dilaksanakan oleh pihak British. Akibatnya, perfahaman yang ada dalam setiap golongan kaum amat berbeza dan hal ini menyebabkan sentiasa berlakunya

perselisihan faham. Jarang hubungan etnik bertambah buruk apabila kurangnya aktiviti interaksi dan sosialisasi yang melibatkan golongan kaum yang beza.

Melalui perancangan yang teliti daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, keluarga yang berasal daripada pelbagai etnik kini diberi pilihan untuk menghantar anaknya belajar di sekolah kebangsaan di mana setiap murid belajar di bawah satu sistem pendidikan yang seragam. Pelaksanaan ini telah pun membuka peluang bagi para pelajar berbilang kaum untuk saling mengenali dan memahami antara satu sama lain dan secara langsungnya, dibesarkan dengan sikap toleransi dan hormat terhadap budaya dan agama pelbagai kaum.

Tambahan pula, mata pelajaran pendidikan Sivik dan Moral serta Sejarah diwajibkan untuk dimasukkan ke dalam kerangka pelajaran setiap sekolah sama ada kebangsaan atau vernakular, kerajaan atau swasta. Menurut YB Dr Maszlee Malik, pengenalan Pendidikan Sivik dapat mengajari tentang pengetahuan kewarganegaraan, nilai-nilai murni dan etika serta tindakan tepat yang sewajarnya diambil sebagai seorang warganegara yang mampu menggalakkan

pembangunan negara (Malik 2019). Melalui subjek-subjek tersebut, pelajar dapat menghayati keamanan dan kedamaian yang sedia ada di Malaysia dan memahami serta menghormati adat dan budaya pelbagai kaum secara mendalam.

6. Peranan yang dimainkan oleh pelbagai pihak

6.1. Kerajaan

Tidak dapat dinafikan bahawa badan kerajaan merupakan pihak yang memainkan peranan yang terpenting dalam menentukan kesepaduan sesuatu negara. Hal ini demikian kerana mereka adalah pihak yang bertanggungjawab dan berkuasa melaksanakan sebarang dasar serta membuat keputusan yang akan mengubah status quo negara. Fakta ini dapat dijelaskan kalau dipandang dari segi sejarah.

Sebelum kemerdekaan Tanah Melayu pada 13 Ogos 1957, Tanah Melayu masih berada dalam penjajahan British. Zaman penjajahan ini telah menggalakkan kepada pembangunan kawasan bandar secara terancang dan intensif. Walau bagaimanapun, perasaan tidak puas hati ditimbulkan apabila pembukaan kota hanya membawa faedah kepada majoriti golongan British dan Cina. Golongan Melayu yang kebanyakannya masih menduduki kawasan dalaman berasa ketidakadilan dan terpinggir daripada pembangunan bandar (Thukiman 2009). Kesan jarangan hubungan etnik ini dikekalkan sampailah selepas kemerdekaan Tanah Melayu, dan menjadi antara faktor pencetus Peristiwa 13 Mei yang merupakan titik hitam dalam sejarah Malaysia.

Oleh yang demikian, pihak kerajaan mestilah menitikberatkan kepentingannya memperkenalkan dasar-dasar yang memupuk kesepaduan antara kaum. Sebagai contoh, Dasar Ekonomi Baru dan pembentukan Rukun Negara adalah antara inisiatif yang diambil oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) sebagai respons terhadap Peristiwa 13 Mei. Pembentukan Rukun Negara bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan perpaduan kaum serta mengukuhkan perpaduan di Malaysia (Rukun Negara 2017). Strategi ini dibuktikan amat berkesan dan efektif kerana prinsip-prinsip rukun negara masih lagi dikuatkuasa dan dititikberatkan terutamanya dalam sektor pendidikan dan bidang perkhidmatan awam.

6.2. Guru dan Pendidik

Pepatah ada mengatakan bahawa “Melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Oleh itu, jelaslah bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan kesepaduan kaum kerana ilmu dan nilai-nilai sosial patutnya diajari dan diterapkan oleh masyarakat Malaysia dari bangku sekolah. Nilai toleransi, saling menghormati, bekerjasama dan kefahaman budaya kaum lain mestilah ditanam dan difahami oleh pelajar-pelajar untuk mengelakkan perselisihan faham antara kaum dan secara langsungnya, mewujudkan generasi muda yang sedar terhadap tanggungjawabnya sebagai seorang warganegara Malaysia (Yong Hie Hie 2018).

Walaupun bagaimanapun, terdapatnya segelintir guru yang menunjukkan nilai negatif dalam proses pengajaran seperti Isu diskriminasi yang telah berlaku di SJKC Pai Chee, Mersing, Johor pada tahun 2016 (Mhd Fahmi Mohd Yusof 2016).. Oleh itu, pihak pengurusan sekolah terutamanya guru besar dan pengetua berperanan sentiasa memantau kelakuan para guru dan mengambil tindakan segera jika terdapatnya guru yang menjejaskan perpaduan antara kaum.

6.3. Persatuan Penduduk

Walaupun taburan kaum penduduk dalam sesuatu kawasan perumahan menjadi semakin seimbang dan bercorak pada masa kini, kebanyakan daripadanya masih tidak mengenali antara satu sama lain disebabkan kelunturan semangat kejiranan. Oleh yang demikian, Persatuan Penduduk berperanan untuk bergiat aktif dalam mengadakan aktiviti kemasyarakatan seperti bergotong-royong atau penyambutan perayaan untuk membuka peluang bagi penduduk untuk saling mengenali, berinteraksi dan bekerjasama walaupun berbeza latar belakang dan kaum. Dengan suatu sasaran yang sama, pastilah mereka akan bergading bahu dan saling tolong-menolong untuk menyelesaikan pelbagai masalah yang dikemukakan. Secara langsungnya, perjalanan aktiviti-aktiviti secara kolaboratif akan mengeratkan hubungan antara satu sama lain.

6.4. Media Massa

Seterusnya, media massa merupakan satu saluran yang dapat menyampaikan mesej kepada orang ramai dengan efisien. Media elektronik yang berpengaruh besar dalam kehidupan masyarakat berperanan untuk menyebarkan semangat perpaduan. Media-media yang memupuk semangat perpaduan seperti video sambutan sempena hari perayaan perlu ditayangkan di

televisyen atau dimuat naik ke internet supaya masyarakat Malaysia dapat menyaksikan dan merasai suasana perayaan bersama-sama. Contohnya, Syarikat Petronas dan Tenaga Nasional Berhad akan membuat video sambutan perayaan setiap kaum terutamanya Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Deepavali setiap tahun dan ia dilaksanakan oleh seluruh masyarakat Malaysia. . Tambahan pula, dalam situasi di mana pandemik Covid-19 sedang mengancam negara kita, semakin jelas kita boleh nampaklah peranan yang dimainkan oleh media massa elektronik dalam meneruskan usaha memupuk perpaduan antara kaum kerana pelbagai aktiviti fizikal telah disekat.

7. Masalah yang dihadapi dalam mengekalkan kesepaduan hidup

7.1 Politik

Masalah pertama yang akan menjejaskan kesepaduan hidup di Malaysia adalah dari segi politik. Parti-parti politik pada masa sekarang terdiri daripada pelbagai kaum. Masalah berlaku kerana parti politik mewakili setiap kaum sendiri untuk menyuarakan pendapat mereka dan mempertahankan hak kaum masing-masing. Namun begitu, terdapat ahli politik yang menghasutkan hubungan antara kaum untuk dapat dipilih dan menang dalam pilihan raya. Pemikiran rakyat dipengaruhi oleh mereka dan bermula untuk berdendam antara kaum sebab perasaan tidak adil dan tidak mendapat kebaikan atau layanan yang sama sekali terhadap kaum sendiri. Seterusnya, sesetengah rakyat akan berasa pemimpin yang berlainan kaum tidak akan menjaga hak mereka dan membantu mereka untuk menyuarakan pandangannya.

7.2 Ekonomi

Masalah seterusnya yang timbul sejak zaman penjajahan British adalah dari segi ekonomi. Terdapat jurang ekonomi antara perkauman. Pada masa dahulu, orang British menjalankan “Divide and Rule” di Malaysia, masyarakat melayu bekerja dalam sektor pertanian dan menduduki kawasan luar bandar di kampung-kampung manakala masyarakat cina bekerja dalam perniagaan dan perlombongan bijih timah. Masyarakat india pula bekerja di ladang getah. Masalah ini yang diwujudkan oleh British masih ada pada masa ini, kebanyakan peniaga di Malaysia masih mempunyai masyarakat cina dan terdapat orang india yang masih tinggal di ladang getah. Jurang ekonomi antara perkauman akan menebalkan perasaan yang tidak gembira dan ketidakfahaman antara kaum.

7.3 Sosial- Pendidikan

Di samping itu, cabaran untuk mengekalkan kesepaduan hidup antara kaum di Malaysia merupakan sistem pendidikan yang berlainan. Masalah ini juga diwujudkan oleh British sejak zaman dahulu, British telah melancarkan sistem sekolah vernakular iaitu sekolah mengikut kaum. (Namri Sidek 2019, Abdullah, M. R. T. 2010, MALAYSIA, M. S. 2010) Sehingga kini, Malaysia masih mempunyai sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan India. Selain itu, terdapat ramai rakyat Malaysia yang tidak berapa faham dan fasih untuk bertutur, menulis dan membaca Bahasa Kebangsaan Malaysia. Keadaan ini amat menyusahkan rakyat Malaysia untuk memahami antara satu sama lain disebabkan kesusahan dalam komunikasi. Lebih-lebih lagi, kesusahan komunikasi ini kemungkinan akan menimbulkan kesalahfahaman yang serius.

8. Langkah-langkah yang diambil untuk mengekalkan kesepaduan hidup

8.1 Rumah terbuka

Cara-cara yang dapat mengekalkan kesepaduan hidup di Malaysia merupakan sambutan rumah terbuka untuk setiap perayaan kaum di Malaysia. Terdapat pelbagai perayaan bagi setiap kaum di Malaysia, contohnya, Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, dan sebagainya. Sambutan rumah terbuka memberi peluang kepada setiap kaum untuk memahami dan mendalami latar belakang dan tradisional masing-masing. Oleh itu, masyarakat Malaysia tanpa mengira lapisan umur dan kaum dapat berkumpul dan bersama-sama meraikannya.



Berita Harian. (2017).

8.2 Gotong-royong

Sementelahan itu, aktiviti gotong-royong juga dapat mengeratkan hubungan antara kaum untuk mewujudkan kesepaduan hidup. Masyarakat berbilang kaum yang tinggal di taman perumahan yang sama akan bersama-sama membersihkan kawasan sekeliling. Program gotong-royong untuk pembersihan kawasan rumah sesama jiran tetangga bukan hanya memastikan kesihatan kejiwaan daripada denggi dan sebagainya juga memberi peluang jiran-jiran mengenai masing-masing tanpa mengira kaum. Mereka akan mempunyai peluang untuk berinteraksi, berkawan dan memahami antara satu sama lain. Kemudian, mereka juga boleh bergotong-royong sesama jiran seperti di majlis kenduri kahwin untuk membantu persiapan dan meringankan beban.



Anna Vivienne. (2019).

8.3 Sekolah Kebangsaan

Tambahan pula, pihak kerajaan perlulah memperkasa sekolah kebangsaan. Sekolah kebangsaan ini terdiri daripada guru-guru, murid-murid, dan pekerja dari pelbagai kaum. Penggunaan Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu sebagai Bahasa utama untuk berkomunikasi, mengajar dan belajar. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat menyemai sifat perpaduan sejak di bangku sekolah lagi. Bak kata peribahasa, bagai melentur buluh biarlah dari rebungunya, pihak kerajaan haruslah mendidik generasi muda sejak kecil lagi untuk menanam kepentingan perpaduan dan mempelajari Bahasa Kebangsaan kita.



Mohamad Fahd Rahmat. (2017).

9. Cadangan untuk memupuk kesepaduan hidup

9.1. Belajar dan menghayati sejarah Malaysia

Cadangan yang pertama ialah setiap rakyat Malaysia haruslah belajar dan menghayati sejarah negara Malaysia supaya kita memahami maksud kesepaduan hidup antara pelbagai bangsa. Walaupun Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewajibkan semua pelajar untuk meluluskan mata pelajaran Sejarah di peringkat Sijil Peringkat Malaysia (SPM) yang berkuatkuasa mulai tahun 2013, tetapi kebanyakan rakyat masih tidak mengambil berat tentang sejarah negara. Mereka menghafal semua maklumat untuk peperiksaan sahaja dan tidak memahami perpaduan yang antara orang yang berjasa untuk Malaysia. Jadi, rakyat Malaysia haruslah mempunyai kesedaran untuk menghayati sejarah negara kita supaya kesepaduan hidup antara pelbagai bangsa dapat dipupuk. Sebagai contoh sejarah yang dapat memupuk kesepaduan hidup pelbagai bangsa ialah semasa penjajahan British, dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan telah menjadikan perpaduan pelbagai bangsa menjadi sukar tetapi rakyat masih bersatu padu untuk menjelang kemerdekaan negara. Selain itu, jika kita tidak mengharapkan peristiwa 13 Mei 1969 untuk berulang, tentulah kita haruslah mempunyai kesepaduan supaya Malaysia turut stabil. Oleh itu, dengan kata pepatah ahli falsafah George Santayana, “sesiapa

yang melupakan sejarah pasti akan mengulangnya”, setiap rakyat haruslah belajar sejarah negara agar dapat menyemai semangat perpaduan dalam setiap rakyat. (Norizan Esa, 2017)

9.2 Menerapkan Nilai-Nilai Budaya dan Warisan

Di samping itu, ibu bapa juga haruslah menerapkan nilai-nilai budaya dan warisan dalam diri anak-anak. Hal ini demikian kerana negara Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, dan India. Ibu bapa haruslah mengajar anak-anak mereka tentang pemakanan, pemakaian, dan juga peradaban bangsa lain untuk menimbulkan rasa hormat-menghormati antara pelbagai bangsa dan memupuk kesepaduan hidup di Malaysia. Sebagai contoh, semakin ramai wanita bukan Melayu yang memakai baju tradisional orang Melayu untuk belajar di universiti ataupun majlis-majlis. Ibu bapa juga haruslah mengajar anak-anak mereka sejak kecil lagi supaya mereka mempunyai semangat bermasyarakat tanpa mengira warna kulit, budaya, kepercayaan dan agama dengan bak kata pepatah, “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Misalnya, semasa perayaan pelbagai bangsa, ibu bapa boleh mengamalkan sikap bertukar makanan dan ziarah-menziarahi dengan jiran ataupun kawan yang mempunyai bangsa yang berlainan. Ibu bapa juga adalah orang yang menjadi suri teladan untuk anak-anak supaya mereka menghayati keistimewaan Malaysia yang berbilang bangsa. Selain itu, ibu bapa juga boleh mengajar anak-anak mereka untuk bergaul menggunakan pelbagai Bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan juga Bahasa-bahasa ibunda. Jadi, apabila orang lain yang berlainan bangsa memerlukan pertolongan, anak-anak dapat berkomunikasi dengan mereka untuk membantu mereka. Hal ini tentu akan memupuk kesepaduan hidup dalam masyarakat Malaysia. (Nur-ul Afida Kamaludin, 2019)

9.3 Rumah Terbuka

Masyarakat juga salah satu aspek yang penting untuk memupuk kesepaduan hidup di Malaysia. Dengan mengadakan majlis rumah terbuka, rakyat yang berbilang bangsa dapat berkomunikasi antara satu sama lain. Rumah terbuka sebenarnya bermaksud satu perayaan agama yang disambut oleh penganut pelbagai agama dengan tujuan untuk memupuk persefahaman dalam masyarakat Malaysia. Bak kata pepatah, “bersatu teguh, bercerai roboh”, perpaduan amat penting untuk rakyat supaya Malaysia turut aman. Oleh itu, interaksi antara bangsa dalam majlis rumah terbuka amat vital kerana ia dapat memperkasa hubungan antara bangsa di Malaysia. Jika rakyat Malaysia memberikan komitmen yang tinggi dalam mengadakan

majlis rumah terbuka masing-masing dan menghadiri ke majlis yang diadakan oleh masyarakat yang berlainan, masyarakat Malaysia tentu akan mengeratkan hubungan antara satu sama lain dan turut mewujudkan kesepaduan hidup antara pelbagai bangsa. Tuntasnya, kesepaduan hidup dapat dipupuk melalui aktiviti kemasyarakatan seperti majlis rumah terbuka yang memerlukan setiap bangsa terlibat dalam aktiviti tersebut yang dijalankan. (iPendidikan, 2020)

9.4 Melaksanakan Sekolah Wawasan

Yang terakhir ialah kerajaan haruslah melaksanakan sekolah wawasan yang menempatkan tiga jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Hal ini demikian kerana pelaksanaan sekolah wawasan ini dapat mempercepatkan proses perpaduan pelbagai bangsa. Contohnya, aktiviti-aktiviti berkumpul yang dijalankan dapat mengeratkan hubungan antara pelbagai bangsa kerana mereka mempunyai komunikasi untuk tujuan menyiapkan sesuatu. Dengan penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi di Malaysia juga membolehkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain. Dengan memperbanyakkan interaksi, generasi Malaysia akan menjadi lebih bersefahaman, bekerjasama dan bersatu padu. Mata pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan juga dapat memupuk kesepaduan hidup pelbagai bangsa dalam kalangan masyarakat. Jelasnya, sekolah wawasan dapat membantu dalam pembentukan kesepaduan hidup pelbagai bangsa di Malaysia. (Datuk Marzuki Yahya, 2019)

Kesimpulan

Kesimpulannya, kesepaduan hidup pelbagai bangsa amat penting untuk mempunyai keamanan dan kemakmuran di Malaysia. “Bertepuk sebelah tangan tidak akan berbunyi”, oleh itu, pelbagai pihak haruslah mengambil berat tentang isu ini untuk Malaysia mengorak langkah menuju ke pembentukan negara bangsa dan menjadi Malaysia yang mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara maju yang lain. Rakyat mestilah sentiasa berfikiran positif dan rasional untuk menyokong usaha kerajaan yang dilakukan demi kesepaduan hidup Malaysia. Bak kata pepatah, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat, dengan kerjasama semua pihak, kesepaduan hidup tentulah akan membina Malaysia yang harmoni. Mulakanlah inisiatif-inisiatif demi kesepaduan hidup pelbagai bangsa di Malaysia kerana “perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama”.

Rujukan

1. Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim, & Nurliana Suhaini. 2017. "Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka." *Jurnal Sains Sosial Malaysian Journal of Social Science* Jilid 2 1-24.
2. Pustaka, Dewan Bahasa dan. 2005. *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Sualman, Ismail. 2013. "Konsep Satu Malaysia Sebagai Agenda Politik: Perlu Diteruskan Atau Difikir Kembali?" *Jurnal Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu* 2013 11-28.
4. MyGovernment.2017. Maklumat Malaysia: Lokasi. Retrieved from <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/142?language=my>
5. OnTheWorldMap. Malaysia location on the World Map. Retrieved from <http://ontheworldmap.com/malaysia/malaysia-location-map.html>
6. Destination Wedding Directory.co, States and Territories of Malaysia. Retrieved from <https://www.destinationweddingdirectory.co/asia-wedding-guides/malaysia/states-of-malaysia.html>
7. MyGovernment.2017. Ringkasan Sejarah Malaysia. Retrieved from <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30120>
8. Ibrahim Ahmad. 2019. Titik perpaduan beracuan ekonomi. Astro AWANI. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/titik-perpaduan-beracuan-ekonomi-219960>
9. Abdullah, M. S., Ismail, M. M., & Noor, M. M. (2013). Kesepaduan Sosial dan Kejiranan Di Kawasan Rukun Tetangga. *Jurnal Kinabalu*.
10. Hidayah Hairqm. 2019. 'Ahli politik punca ancaman perpaduan kaum'. Sinar Harian. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/44440/KHAS/Bicara-Minda/Ahli-politik-punca-ancaman-perpaduan-kaum>
11. Chan, Bartholomew. 2018. Kesopanan dan Kesusilaan Amalan Terpuji. September 17. <https://www.malaymail.com/news/opinion/2018/09/17/kesopanan-dan-kesusilaan-amalan-terpuji/1673240>.

12. Faaland, Just. 2005. "Dasar Ekonomi Baru: Pertumbuhan Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu." Utusan Publications.
13. Malik, YB Dr Maszlee. 2019. Kenapa Pendidikan Sivik Diperkenalkan? <https://www.moe.gov.my/en/pemberitahuan/announcement/kenapa-pendidikan-sivik-diperkenalkan>.
14. Mhd Fahmi Mohd Yusof, Ahmad Suhael Adnan. 2016. Dakwaan Isu Rasis di SJKC Pai Chee Disiasat. Januari 14. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2016/01/114422/dakwaan-isu-rasis-di-sjkc-pai-chee-disiasat>.
15. Nur Ayuni Nusaibah Husin, Amir Hasan Dawi. 2019. "Peranan Sekolah Dalam Pembentukan Perpaduan Antara Kaum Dalam Kalangan Pelajar." Jurnal Pendidikan Bitara UPSI.
16. 2017. Rukun Negara. Jabatan Penerangan Malaysia. <https://www.malaysia.gov.my/portal/content/30110>.
17. Thukiman, Kassim. 2009. "Hubungan Etnik di Zaman Kolonial." In Hubungan Ethik di Malaysia: Perspektif, Teori dan Praktik, by Kassim Thukiman, 71-88. Skudai: Penerbit UTM Press.
18. Yong Hie Hie, Hu Hasnita Ku Samsu, Zatul Himmah Adnan, Mohd Daud Awang, Adlina Ab Halim. 2018. "Peranan Guru Sebagai Agen Sosialisasi dalam Membentuk Perpaduan Kaum di Sekolah." Akademika 88(2).
19. Mohamad Fahd Rahmat. 2017. Kekitaan bermula di sekolah. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/05/228987/kekitaan-bermula-di-sekolah>
20. Berita Harian. 2017. Kemerian rumah terbuka ala-Malaysia erat perpaduan. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian-malaysia/20170707/281663960039687>
21. Anna Vivienne. 2019. 168 sertai program gotong-royong "Love your beach clean". <https://borneonews.net/2019/12/03/168-sertai-program-gotong-royong-love-your-beach-clean/>

22. MALAYSIA, M. S. (2010). PENILAIAN KEBERKESANAN PELAKSANAAN KURIKULUM MATA PELAJARAN SEJARAH MENENGAH RENDAH TINGKATAN 2 DI SEKOLAH-SEKOLAH.
23. Namri Sidek. (2019). Sejarah Sekolah Vernakular Cina dan India di Tanah Melayu. <https://iluminasi.com/bm/sejarah-sekolah-vernakular-cina-dan-india-di-tanah-melayu.html>
24. Abdullah, M. R. T. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan (The Challenges of Multi-Racial Integration in Malaysia: Historical, Family and Education Perspective). Jurnal Hadhari: An International Journal, 2(1), 61-84.
25. Norizan Esa, Salasiah Che Lah, 2017. Kelestarian dan Dinamisme Kearifan Tempatan Dalam Pendidikan. Universiti Sains Malaysia.
26. **Nur-ul Afida Kamaludin**, 2019. Wawasan Kemakmuran Bersama Penggerak Strategik Malaysia Sebagai Negara Maju. https://www.bernama.com/bm/am/news_wkb2030.php?id=1774734
27. iPendidikan. 2020. Usaha-usaha untuk memupuk perpaduan kaum. <https://www.ipendidikan.my/usaha-usaha-untuk-memupuk-perpaduan-kaum.html>
28. Datuk Marzuki Yahya. 2019. Bersama bersatu hati membina Malaysia Baharu. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/05/564059/bersama-bersatu-hati-membina-malaysia-baharu>